



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN

AKTIVITI PELUPUSAN HAIWAN



DVS/KAKH/11/2019

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PELUPUSAN HAIWAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630, Putrajaya, Malaysia

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 8685
E-mel : pro@dvs.gov.my

Edisi Pertama : 2019
Edisi Kedua : 2020

Penerbitan @ JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara lain, sama ada cara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630, Putrajaya, Malaysia.

ISI KANDUNGAN

1.0	Pengenalan	1
2.0	Objektif	1
3.0	Skop	2
4.0	Definisi	2
5.0	Kata Singkatan	3
6.0	Tanggungjawab Pengusaha Premis Pelupusan Haiwan	3
7.0	Tanggungjawab Pihak Berkuasa Veterinar Atau Doktor Veterinar Berdaftar	5
8.0	Pengurusan Pelupusan Haiwan	5
	8.1 Pelupusan haiwan bekerja	
	8.2 Pelupusan haiwan kesayangan/ pelihara	
	8.3 Pelupusan haiwan terbiar	
	8.4 Pelupusan haiwan ternak	
9.0	Pengesahan Kematian Haiwan	7
10.0	Pengurusan Pelupusan Haiwan Berpenyakit	7
11.0	Kaedah Pengurusan Pelupusan Karkas Haiwan	8
12.0	Kriteria Pengurusan Aktiviti Pelupusan	10
13.0	Rujukan	11
14.0	Lampiran	12

KATA PENGANTAR

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) telah diwartakan pada 29 Disember 2015 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2017. Berdasarkan peruntukan Seksyen 15 Akta 772, terdapat tiga belas (13) aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan perlu dilesenkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) yang mengandungi piawaian serta garis panduan berkaitan kebajikan haiwan. KAKH ini berperanan menjadi rujukan kepada pemilik lesen dan juga mana-mana pihak yang berkenaan dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan haiwan yang terlibat dalam aktiviti di atas sentiasa terpelihara.

Selaras dengan agenda sosial masyarakat pada hari ini yang amat menitikberatkan isu berkaitan kebajikan haiwan, adalah diharapkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini dapat dilaksanakan semasa mengendalikan haiwan dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan seperti yang tersenarai dalam Jadual Akta 772.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Kerja, agensi kerajaan, pihak NGO dan semua individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan dokumen kod amalan ini.

DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN BIN HASSAN NIZAM
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PELUPUSAN HAIWAN

1.0 PENDAHULUAN

Kebajikan haiwan masih perlu diberi perhatian semasa menjalankan aktiviti pelupusan haiwan. Aktiviti pelupusan haiwan meliputi sebarang aktiviti mengendalikan haiwan hidup bagi tujuan untuk menakai / mengurangkan populasi / mencegah kacau ganggu awam / memusnahkan atau mematikan haiwan atas tujuan kesihatan awam atau tujuan tertentu di bawah penyeliaan doktor veterinar berdaftar. Pelupusan perlu dilaksanakan dengan kaedah yang dibenarkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan.

Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) ini menggariskan panduan kepada sesiapa yang menjalankan pengurusan pelupusan haiwan bagi aktiviti yang melibatkan haiwan di bawah peruntukan Seksyen 15 Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772). Pemunya atau pengusaha yang terlibat perlu mendapatkan pengesahan daripada doktor veterinar berdaftar, atau pihak berkuasa veterinar. Pengurusan pelupusan haiwan dilakukan secara beretika bagi mengelakkan penderitaan pada haiwan dan risiko bahaya kepada mana-mana orang. Ini bermakna lima (5) keperluan haiwan yang perlu ada sebelum proses pelupusan haiwan adalah seperti yang berikut:-

- i) keperluannya kepada persekitaran yang sesuai;
- ii) keperluannya untuk diet yang sesuai;
- iii) keperluannya untuk membolehkannya mempamerkan corak kelakuannya yang semulajadi;
- iv) keperluannya untuk ditempatkan bersama dengan atau berasingan daripada haiwan lain; dan
- v) Keperluannya untuk dilindungi daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Memastikan standard minima bagi kemudahan dan pengurusan haiwan dijalankan dengan beretika serta kebajikan haiwan terpelihara sepanjang aktiviti pelupusan.
- 2.2 Memastikan pelupusan karkas haiwan dijalankan dengan baik dan teratur.

3.0 SKOP

KAKH ini merangkumi amalan pengurusan haiwan yang baik serta memenuhi keperluan kebajikan haiwan. Prosedur pengurusan haiwan yang berpenyakit, kaedah pengurusan pelupusan haiwan, pengesanan kematian haiwan serta kriteria pengurusan prosedur pelupusan turut diterangkan dalam KAKH ini.

4.0 DEFINISI

- 4.1 Pelupusan haiwan
Bermaksud sebarang aktiviti mengendalikan haiwan hidup bagi tujuan untuk menakai / mengurangkan populasi / mencegah kacau ganggu awam / memusnahkan atau mematikan haiwan atas tujuan tertentu di bawah penyeliaan doktor veterinar berdaftar.
- 4.2 Haiwan bekerja
Bermaksud mana-mana haiwan yang dilatih untuk melakukan tugas tertentu bagi kegunaan mana-mana organisasi/ individu.
- 4.3 Haiwan kesayangan
Haiwan yang dipelihara bagi tujuan sebagai peneman, hobi, berkhidmat untuk pemunya, untuk pertandingan atau untuk pertunjukan.
- 4.4 Haiwan terbiar
Bermaksud mana-mana haiwan domestik yang tidak mempunyai pemunya atau dibiarkan berkeliaran di tempat tempat awam tanpa pengawasan pemunya. Haiwan terbiar termasuk semua jenis haiwan yang tidak berlesen atau berlesen yang merayau tanpa tuan atau penyeliaan di tempat awam.
- 4.5 Haiwan ternak
Bermaksud mana-mana haiwan yang dipelihara untuk tujuan sumber makanan manusia.
- 4.6 Haiwan disyaki berpenyakit
Bermaksud semua haiwan yang ada hubungan dengan haiwan yang berpenyakit, datang dari kawasan yang berpenyakit atau merekodkan keputusan ujian penyakit diragui, menunjukkan gejala penyakit yang menyerupai Penyakit Wajib Lapor atau yang tidak diketahui lokasi asal kerana tidak memiliki dokumen veterinar yang sah.

- 4.7 Pengusaha
Bermaksud tuan punya, operator dan pekerja yang telah dilesenkan bagi menjalankan aktiviti pelupusan haiwan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan.
- 4.8 Pemunya
Bermaksud mana-mana orang yang memiliki apa-apa haiwan dan termasuklah mana-mana orang pada masa ini bertanggungjawab tentang mana-mana haiwan atau mana-mana orang yang menghuni mana-mana premis;

5.0 KATA SINGKATAN

- 5.1 DVS - *Department Of Veterinary Services*
- 5.2 KAKH - Kod Amalan Kebajikan Haiwan
- 5.3 PPE - *Personal Protective Equipment*

6.0 TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA AKTIVITI PELUPUSAN HAIWAN

Pengusaha terlibat dengan pelupusan haiwan adalah bertanggungjawab untuk:

- 6.1 Menyediakan kemudahan asas, persekitaraan yang kondusif serta peralatan yang sesuai kepada haiwan bagi pengurusan pelupusan haiwan.
- 6.2 Penyimpanan haiwan sebelum proses pelupusan mengikut saiz sangkar sama ada secara sendirian atau berkumpulan hendaklah mencukupi untuk haiwan makan, tidur, berdiri, duduk, baring dengan selesa, meregang dan bergerak dengan bebas. Keperluan saiz adalah seperti dalam **Lampiran 1**.
- 6.2 Mengenalpasti haiwan yang dilupuskan serta tujuan pelupusan.
- 6.3 Mematuhi undang-undang, peraturan dan KAKH yang dikeluarkan oleh pihak berkenaan untuk melaksanakan pelupusan haiwan.

- 6.4 Mendapatkan khidmat nasihat dan pengesahan daripada pihak berkuasa veterinar atau doktor veterinar berdaftar untuk menjalankan pemeriksaan haiwan-haiwan yang perlu dilupuskan bagi sebarang kaedah pelupusan menggunakan bahan kimia.
- 6.5 Semua prosedur pelupusan yang melibatkan penggunaan bahan kimia (eutanasia dan gas *inhalation*) perlu mendapatkan pengesahan daripada pihak berkuasa veterinar atau doktor veterinar berdaftar. SOP pelupusan hendaklah disediakan oleh pengusaha. Panduan mengenai kaedah pelupusan boleh dirujuk pada **Lampiran 2: Justifikasi dan Kaedah Pelupusan Mengikut Jenis Haiwan**.
- 6.6 Memastikan pengurusan pelupusan yang dilakukan adalah secara berperikemanusiaan.
- 6.7 Meminimalkan haiwan daripada tekanan, keresahan dan kesakitan sepanjang aktiviti pelupusan dijalankan dengan menggunakan kaedah yang dibenarkan dan sesuai mengikut spesies haiwan.
- 6.8 Sekiranya kaedah pelupusan adalah prosedur penyembelihan; haiwan yang hendak dilupuskan mesti bebas daripada sebarang penyakit serta kaedah pelupusan tidak menggunakan bahan kimia atau antibiotik yang boleh menyebabkan residu pada karkas haiwan tersebut. Prosedur penyembelihan perlu merujuk Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993, Kaedah-kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009, Kaedah-kaedah Pemeriksaan Daging 1985 serta APTVM yang berkaitan seperti Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan, dan Pemeriksaan Daging.
- 6.9 Memastikan pengusaha pelupusan haiwan yang terlibat perlu mempunyai pengetahuan asas dalam aspek berikut:
 - a. Kebajikan haiwan
 - b. Kaedah pelupusan haiwan yang dibenarkan
 - c. Berupaya memastikan proses pelupusan tidak menyebabkan kecederaan kepada haiwan lain atau pengusaha.
 - d. Mengetahui undang-undang, peraturan dan KAKH

- 6.10 Setiap premis pelupusan haiwan hendaklah mempunyai peti kecemasan untuk haiwan seperti di **Lampiran 3**.
- 6.11 Setiap premis pelupusan haiwan hendaklah mempunyai persiapan minima yang mencukupi bagi menghadapi sebarang insiden kebakaran seperti di **Lampiran 4**.

7.0 TANGGUNGJAWAB PIHAK BERKUASA VETERINAR ATAU DOKTOR VETERINAR BERDAFTAR

- 7.1 Pihak berkuasa veterinar atau doktor veterinar berdaftar hendaklah memastikan sebarang proses mematikan haiwan dijalankan dalam masa yang paling singkat, mengurangkan kesakitan dan distress
- 7.2 Melakukan prosedur pelupusan dalam keadaan persekitaran yang paling sesuai dan kondusif supaya tidak menimbulkan ketidakselesaan fizikal dan emosi manusia serta haiwan.
- 7.2 Setiap prosedur pelupusan yang telah dilakukan hendaklah direkodkan.

8.0 PENGURUSAN PELUPUSAN HAIWAN

- 8.1 Pelupusan Haiwan Bekerja
 - a. Pemunya boleh membuat keputusan untuk melupuskan haiwan bekerja apabila haiwan itu tidak lagi sesuai atau tidak berupaya melaksanakan kerja atas sebab-sebab tertentu.
 - b. Pemunya mesti mendapatkan khidmat nasihat dan pengesahan daripadapihak berkuasa veterinar atau doktor veterinar berdaftar untuk melupuskan haiwan bekerja.
 - c. Pihak berkuasa veterinar atau doktor veterinar berdaftar perlu memeriksa rekod kesihatan haiwan dan menjalankan pemeriksaan fizikal sebelum pengesyoran cara atau tindakan pelupusan dijalankan.
 - d. Bagi kaedah pelupusan, perlu rujuk **Lampiran 2: Justifikasi Dan Kaedah Pelupusan Mengikut Jenis Haiwan**.

8.2 Pelupusan Haiwan Kesayangan

- a. Pemunya boleh membuat keputusan untuk melupuskan haiwan kesayangan kerana haiwan itu tidak berupaya, menamatkan penderitaan haiwan sakit, mencegah bahaya kepada manusia dan kehidupan lain, dan apa-apa saja sebab yang ditentukan oleh pihak berkuasa veterinar atau doktor veterinar berdaftar.
- b. Pemunya mesti mendapatkan khidmat nasihat dan pengesahan daripada pihak berkuasa veterinar atau doktor veterinar berdaftar untuk melupuskan haiwan kesayangan.
- c. Pihak berkuasa veterinar atau doktor veterinar berdaftar perlu memeriksa rekod kesihatan haiwan dan menjalankan pemeriksaan fizikal sebelum pengesyoran cara atau tindakan pelupusan dijalankan. Sekiranya perlu, penilaian kualiti hidup bagi haiwan yang berumur perlu dibuat sebelum pelupusan dijalankan.
- d. Bagi kaedah pelupusan, perlu rujuk **Lampiran 2: Justifikasi Dan Kaedah Pelupusan Mengikut Jenis Haiwan**.

8.3 Pelupusan Haiwan Terbiar

- a. Pengurusan pelupusan haiwan terbiar adalah bagi tujuan mengawal populasi haiwan, mencegah bahaya kepada manusia dan kehidupan lain serta menamatkan penderitaan haiwan yang sakit.
- b. Doktor veterinar berdaftar perlu menjalankan penilaian pemeriksaan kesihatan sebelum pengesyoran cara atau tindakan pelupusan dijalankan.
- c. Pelupusan haiwan terbiar dilakukan dengan cara yang berperikemanusiaan dengan tahap kesakitan dan penyiksaan yang minima.
- d. Bagi tujuan pengendalian dan pelupusan haiwan terbiar (anjing) perlu merujuk Garis Panduan Penangkapan Dan Pelupusan Anjing Terbiar 2008.
- e. Bagi kaedah pelupusan, perlu rujuk **Lampiran 2: Justifikasi Dan Kaedah Pelupusan Mengikut Jenis Haiwan**.

8.4 Pelupusan Haiwan Ternak

- a. Pengurusan pelupusan haiwan ternak adalah kerana tidak produktif, menamatkan penderitaan haiwan sakit, mencegah bahaya kepada manusia dan kehidupan lain, dan apa-apa saja sebab yang ditentukan oleh pihak berkuasa veterinar atau doktor veterinar berdaftar.

- b. Pihak berkuasa veterinar atau doktor veterinar berdaftar perlu menjalankan penilaian pemeriksaan kesihatan bersama penilaian tahap produktiviti sebelum pelupusan dijalankan.
- c. Bagi kaedah pelupusan rujuk **Lampiran 2: Justifikasi Dan Kaedah Pelupusan Mengikut Jenis Haiwan**.

9.0 PENGESAHAN KEMATIAN HAIWAN

- a. Setelah haiwan dilupuskan, kematian hendaklah disahkan. Kematian boleh disahkan melalui gabungan beberapa ciri seperti berikut:
 - i. Tiada denyutan nadi
 - ii. Tiada pernafasan
 - iii. Tiada denyutan jantung
 - iv. Tiada tindak balas kornea
 - v. Tiada tindak balas kepada firm toe pinch
 - vi. Mukus membran menjadi biru atau pucat
 - vii. *Rigor mortis*
- b. Sekiranya didapati mana-mana haiwan yang dilupuskan ada tanda-tanda masih hidup, maka pihak berkuasa veterinar atau doktor veterinar perlu mengulangi proses pelupusan dengan secepat mungkin.

10.0 PENGURUSAN PELUPUSAN HAIWAN BERPENYAKIT

10.1 Bagi tujuan pelupusan haiwan berpenyakit biasa:-

- a. haiwan yang disyaki berpenyakit atau seterusnya disahkan berpenyakit perlu juga dikendalikan dengan kaedah yang sesuai dan ianya dilakukan oleh pihak berkuasa veterinar atau doktor veterinar berdaftar.
- b. hendaklah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan keperluan haiwan dipenuhi sebelum prosedur pelupusan, semasa dan pelupusan karkas dengan kaedah yang sesuai.

- 10.2 Bagi tujuan pemusnahan dan penghapusan haiwan kerana ancaman dan penularan wabak.
- a. segala tindakan penghapusan perlu merujuk kepada dokumen APTVM 22 (e):1/2010 Penghapusan dan APTVM 24(a):1/2011 Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan yang sedia ada.
 - b. hendaklah mengambil langkah-langkah yang ditetapkan oleh pihak berkuasa veterinar pada setiap masa bagi tujuan ini.

11.0 KAEDAH PENGURUSAN PELUPUSAN KARKAS HAIWAN

- 11.1 Karkas haiwan perlu dikendalikan dengan kaedah yang sesuai mengikut undang-undang berkaitan.
- 11.2 Pengurusan pelupusan karkas haiwan perlu mengambil kira risiko residu yang akan dihasilkan oleh karkas/ bangkai haiwan serta faktor ancaman lain kepada persekitaraan.
- 11.3 Antara kaedah pelupusan karkas haiwan yang boleh digunakan adalah seperti berikut:
- a. Tanam (burial)
 - i. Kaedah mengorek dan menimbus karkas haiwan ke dalam tanah perlu mengikut peruntukan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.
 - ii. Saiz lubang untuk menanam karkas bergantung kepada isipadu karkas, jarak dengan kawasan tempat tinggal atau tanah pertanian, serta sumber air yang terdekat.
 - iii. Keluasan kawasan perlu bersesuaian dengan jumlah karkas untuk mengelakkan pencemaran persekitaran akibat penghasilan gas berlebihan.
 - iv. Bagi pelupusan karkas haiwan berpenyakit, sila rujuk kepada dokumen APTVM 22 (e):1/2010 Penghapusan.
 - b. Pembakaran tertutup/Insinerator (*Incineration*)
 - i. Kaedah ini perlu menggunakan peralatan insinerator yang dibenarkan, dalam keadaan yang baik serta mengikut cara yang sesuai seperti yang disyorkan dalam Manual Penggunaan Insinerator oleh pengilang (contoh: kapasiti dan jangkamasa pembakaran).

- ii. Pengendali/operator insinerator mestilah kompeten serta mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan serta Jabatan/agensi lain yang berkaitan.
- c. `Penghasilan bahan protein haiwan (*Rendering*)
 - i. Merupakan proses menukar bahan protein haiwan kepada bahan bernilai tambah yang lebih stabil, berkesan dan cara selamat tanpa risiko pencemaran.
 - ii. Protein atau "*meat and bone meal*" dari bangkai ruminan tidak boleh diberikan kepada haiwan ruminan yang lain. Kaedah ini juga tidak boleh digunakan ke atas bangkai yang telah dilupuskan menggunakan bahan kimia. Mana mana pihak yang berkaitan perlu mematuhi Akta Makanan Haiwan 2009 (Akta 698).
- d. *Landfill*
 - i. Kaedah ini merupakan kaedah alternatif bagi kaedah menanam dan akan memerlukan penggunaan kawasan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan sebagai kawasan pelupusan karkas/bangkai haiwan.
 - ii. Kaedah ini sesuai untuk pelupusan haiwan dalam kuantiti yang besar serta tidak menggunakan cara euthanasia dengan bahan kimia. Bagi pelupusan karkas haiwan berpenyakit, sila rujuk kepada dokumen APTVM 22 (e):1/2010 Penghapusan.
 - iii. Pengendali/operator mestilah kompeten serta mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan serta Jabatan/ agensi lain yang berkaitan.
- e. Kaedah Dekomposisi ("*Composting*")
 - i. Kaedah ini melibatkan proses dekomposisi bahan organik secara terkawal serta sanitari di atas tanah yang tidak sesuai menggunakan kaedah biasa iaitu secara korek dan timbus.
 - ii. Kaedah ini memerlukan kawasan, pengurusan dan penggunaan bahan yang bersesuaian (cth: serpihan kayu, habuk papan dan pepejal bio).

- iii. Proses dekomposisi secara semulajadi ini bertujuan mengurangkan kehadiran agen penyakit. Kaedah ini perlu dijalankan dalam kawasan yang sesuai dan berjauhan dengan sumber air bagi mengelakkan kontaminasi.
- iv. Kaedah ini perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan serta Jabatan/agensi yang berkaitan.

f. Kaedah-kaedah yang lain

Kaedah-kaedah lain yang dibenarkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan masih boleh diguna pakai dan perlu mempunyai pengusaha yang kompeten. Di antara kaedah lain yang boleh digunakan adalah *biodigester*, penghasilan biogas serta *biorefining*.

12.0 KRITERIA PENGURUSAN AKTIVITI PELUPUSAN

- 12.1 Keperluan untuk memastikan kebajikan haiwan di bawah Seksyen 24 (1) di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 hendaklah dipatuhi semasa mengendalikan haiwan sebelum pelupusan.
- 12.2 Segala pengangkutan haiwan hendaklah mematuhi apa-apa peraturan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan APTVM (20a)(1):2009) APTVM Kebenaran pindah haiwan dan produk haiwan antara negeri di Malaysia serta APTVM 22(d): 1/2011 APTVM Kebenaran pindah haiwan, hasil dan produk haiwan dalam negeri
- 12.3 Segala pengendalian haiwan perlu mematuhi peraturan di bawah Akta Kebajikan Haiwan subseksyen 62(2) (b) & (g).
- 12.4 Personel yang menguruskan karkas haiwan hendaklah menggunakan PPE yang sesuai dan selamat.
- 12.5 Personel perlu menjalani latihan dan penilaian kompetensi bagi mengendalikan haiwan untuk pengurusan pelupusan.
- 12.6 Persekitaraan yang kondusif (mengikut penilaian doktor veterinar) serta bersesuaian dengan kaedah yang digunakan serta mengikut keperluan spesies haiwan.

13.0 RUJUKAN

- 13.1 Akta Binatang 1953 (semakan 2006)
- 13.2 Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772]
- 13.3 Akta Makanan Haiwan 2009 (Akta 698)
- 13.4 Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993
- 13.5 APTVM 22(e):1/2010 - Penghapusan
- 13.6 APTVM 24(a):1/2011-Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan
- 13.7 APTVM Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan
- 13.8 APTVM Pemeriksaan Daging
- 13.9 APTVM Penyediaan Sijil Kesihatan Veterinar
- 13.10 APTVM Pendaftaran Veterinawan Bertauliah
- 13.11 Protokol Veterinar Malaysia
- 13.12 AVMA Guidelines for the Euthanasia of Animals: 2013 Edition
- 13.13 IACUC Euthanasia Guideline, University of Minnesota Board of Regents
- 13.14 IACUC Guidelines for the Euthanasi of Poultry And Young Swine
- 13.15 <http://www.pcc.edu/resources/disability/policies/service-animals.html>
www.ror.org.uk : Restraining of Racehorses

Lampiran 1**SAIZ SANGKAR DAN PEN YANG DISYORKAN
RUMINAN, BUKAN RUMINAN & UNGGAS**

Spesies	Keluasan minimum lantai (cm ²)/seekor
Lembu / Kerbau	33,000
Lembu Tenusu	40,000
Kambing / Bebiri	15,000
Kuda	120,000
Babi	60,000
Ayam	2,500
Ayam Belanda	6,500
Itik	5,500

SAIZ SANGKAR DAN PEN YANG DISYORKAN

(Haiwan hanya boleh disimpan dalam sangkar/
pen ini untuk maksimum 4 minggu)

Spesies	Keluasan lantai minimum (cm ²)	Lebar minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm ²)
ANJING					
anak anjing (8-16 minggu)					
kurang dari 3 kg	6,000	60	50	4	1,500
lebih 3 kg	6,000	60	50	2	3,000
dewasa (ketinggian)					
kurang dari 40 cm	15,000	90	Tinggi	1	10,000
40 - 70 cm	24,000	100	15cm dari	1	12,000
lebih 70 cm	35,000	120	hujung kepala ke	1	17,000
dewasa (ketinggian)					
ibu menyusui	35,000	120	hujung atas sangkar	1	17,000
anak menyusui					4,000

Spesies	Keluasan lantai minimum (cm ²)	Lebar minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm ²)
KUCING					
anak kucing (8 - 12 minggu)	6,000	60	50	4	1,500
dewasa	6,000	60	50	1	
ARNAB					
anak (6 - 12 minggu)	6,000	60	50	6	300
dewasa	6,000	60	50	2	600
GUINEA PIGS	2,500	50	40	4	600
TIKUS	600	20	20	2	300
ULAR					
sehingga 100 cm	2,000	45	35	2	1,000
100 - 250 cm	4,500	50	50	2	2,250
250 - 400 cm	6,000	50	50	2	3,000
lebih 400 cm	10,000	90	75	1	5,000
CICAK					
Tokek, Mengkarung, Cicak tanpa kaki untuk 25 cm dari muncung hingga dubur	1,800	30	20	3 dewasa atau 10 juvana	300
Biawak, Mengkarung untuk 30 cm panjang *	2,100	40	40	3 dewasa atau 10 juvana	350
untuk 50 cm panjang **	2,500	40	40	2 dewasa atau 5 juvana	600
untuk 90 cm panjang ***	7,000	90	60	1	3,500
Biawak untuk 120 cm panjang	10,000	90	90	1	5,000
untuk 200 cm panjang	30,000	150	120	1	15,000

Spesies	Keluasan lantai minimum (cm ²)	Lebar minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm ²)
KATAK POKOK & TANAH					
kecil	1,800	30	40	3	400
besar	2,500	50	30	6	150
BURUNG SANGKAR "INDOOR"					
Saiz burung cm panjang					
10	1,000	-	34	2	500
12	1,600	-	34	2	800
30	5,000	-	70	2	2,500
40	8,000	-	70	2	5,000
50	22,500	-	100	2	7,500
90	36,000	-	120	2	12,000
BURUNG SANGKAR "Outdoor"					
Saiz burung cm panjang					
10	3,700	-	180	2	1,800
12	7,200	-	180	2	3,600
30	10,000	-	180	2	5,000
40	15,000	-	180	2	7,500
50	25,000	-	180	2	12,500
90	50,000	-	180	2	25,000
KURA-KURA	MINIMUM KEDALAMAN AIR				
		MINIMUM			
Karapas 0 -10 cm	1,800	30	20	3	300
Karapas 10 – 20 cm	3,600	40	30	3	600
Karapas lebih 20 cm	6,000	40	30	3	1,500

Nota:

Tikus juvana (kurang dari 8 minggu) boleh ditempatkan sebanyak 4 ekor dalam satu sangkar.

Ular sawa juvana (kurang daripada 40 cm) boleh disimpan bersendirian dalam unit halaman dengan keluasan lantai minimum 480 cm². Unit-unit ini boleh disimpan dalam satu kepungan suhu.

- * Kumpulan ini termasuk Mengkarung Bata Hitam (Black Rock), Pokok, Putih (White's) dan Belang.
- ** Termasuk Mengkarung berbadan berat dan spesies gerak-pancut (shower-moving) seperti Lidah-biru (Blue-tongue), Sirap belakang (Shingleback dan Gidgee)
- *** Termasuk Mulet Darat, Yakka dan Mengkarung Raja.

Jenis Haiwan	Justifikasi Pelupusan Haiwan	Kaedah Pelupusan
1. Haiwan Bekerja: a. Anjing yang telah diberhentikan perkhidmatan atau tidak berupaya melakukan kerja yang ditetapkan. b. Kuda yang telah berhenti dari melakukan kerja yang ditetapkan seperti aktiviti lumba, ujian ketahanan (<i>endurances</i>), polo dan aktiviti sukan lain. c. Haiwan lain yang tidak bekerja atau berupaya menjalankan kerja	Anjing/Kuda/ Haiwan lain: Mempunyai satu atau mana-mana gabungan ciri-ciri berikut: i. Masalah Kesihatan: - Mengalami penyakit kronik yang sukar dirawat dan penyakit berjangkit merbahaya yang melibatkan kebajikan haiwan terganggu dan membahayakan manusia. - Mengalami kecederaan yang sukar dirawat yang menyebabkan penderitaan dan kesakitan yang berterusan bagi haiwan tersebut. - Penyakit yang dihadapi menyebabkan prestasi kerja haiwan terjejas. ii. Penurunan prestasi kerja haiwan atau melepasi had umur bekerja: Tidak menunjukkan prestasi optima atau penurunan prestasi yang menjejaskan aktiviti. iii. <i>Temperament</i> : Haiwan menunjukkan tingkahlaku yang sukar dikawal dan dikhuatiri mendatangkan kecederaan kepada mana-mana haiwan dan mana-mana manusia, atau disahkan mengalami konflik personaliti atau perubahan ketara dari segi kelakuan. iv. Kos Pengurusan Masalah kesihatan yang dihadapi menyebabkan kos pengurusan haiwan meningkat (sekiranya tiada peluang untuk pulih) akibat keperluan perbelanjaan bagi perubatan haiwan.	Anjing 1. Euthanasia - Apa sahaja kaedah euthanasia yang dijalankan haruslah memastikan ianya dilakukan dengan masa yang paling singkat, mengurangkan kesakitan dan distress. - Kaedah-kaedah yang boleh digunapakai adalah seperti berikut: - Suntikan kimia Prosedur ini haruslah dilaksanakan oleh doktor veterinar berdaftar. Contoh: intravena (<i>intravenous</i>), intrakardium (<i>intracardiac</i>) atau intraperitoneum (<i>intraperitoneal</i>) - Gas inhalation Prosedur ini haruslah dilaksanakan oleh doktor veterinar berdaftar. - Captive Bolt Kaedah ini boleh dijalankan oleh individu yang terlatih dan kompeten serta menggunakan peralatan yang betul dan boleh berfungsi dengan baik. Kuda 1. Sembelih - Karkas digunakan untuk tujuan makanan manusia. - Haiwan bebas dari residu ubatan veterinar dan tiada penyakit berjangkit. 2. Eutanasia - Apa sahaja kaedah eutanasia yang dijalankan haruslah memastikan ianya dilakukan dengan masa yang paling singkat, mengurangkan kesakitan dan distress. - Mematuhi unsur-unsur kebajikan haiwan setiap masa.

Jenis Haiwan	Justifikasi Pelupusan Haiwan	Kaedah Pelupusan
		• Kaedah-kaedah yang boleh digunapakai adalah seperti berikut: i. Suntikan kimia Prosedur ini haruslah dilaksanakan oleh Doktor Veterinar Berdaftar. Contoh : <i>intravenous, intracardiac</i> atau <i>intraperitoneal</i> ii. Captive Bolt Kaedah ini boleh dijalankan oleh individu yang terlatih dan kompeten serta menggunakan peralatan yang betul dan boleh berfungsi dengan baik. iii. Jualan/Penyerahan Angkat/Sembelihan Bagi aktiviti Jualan/Penyerahan Angkat Rujuk KAKH Aktiviti Kawalan Haiwan Terbiar Dan Tempat Kurungan Serta Perlindungan Haiwan. Haiwan lain Boleh menggunakan mana-mana kaedah pelupusan haiwan yang sesuai dan disyorkan oleh doktor veterinar berdaftar atau pihak berkuasa veterinar.
2. Haiwan Kesayangan (Kucing, Anjing, Haiwan Lain)	i. Masalah Kesihatan Menghidap penyakit kronik yang sukar dirawat atau kecederaan yang menyebabkan kesakitan berpanjangan dan penderitaan kepada haiwan. Penyakit yang dihadapi menyebabkan haiwan tidak sesuai menjalankan aktiviti harian. ii. Temperamen • Tingkahlaku haiwan yang sukar dikawal yang dikhuatiri mendatangkan kecederaan kepada mana-mana haiwan dan mana-mana manusia.	1. Eutanasia • Apa sahaja kaedah eutanasia yang dijalankan haruslah memastikan ianya dilakukan dengan masa yang paling singkat, mengurangkan kesakitan dan distress. • Kaedah-kaedah yang boleh digunapakai adalah seperti i. Suntikan kimia Prosedur ini haruslah dilaksanakan oleh doktor veterinar berdaftar. Contoh : <i>intravenous, intracardiac</i> atau <i>intraperitoneal</i>

Jenis Haiwan	Justifikasi Pelupusan Haiwan	Kaedah Pelupusan
	iii. Kos pengurusan Masalah kesihatan yang dihadapi menyebabkan kos pengurusan haiwan meningkat (sekiranya tiada peluang untuk pulih) akibat keperluan perbelanjaan bagi perubatan haiwan. iv. Kualiti hidup Kualiti hidup yang terjejas dan merosot disebabkan faktor umur dan pengurusan penjagaan. v. Kawalan Populasi Pembiakan haiwan yang tidak diuruskan dengan baik menyebabkan timbulnya masalah kacau ganggu kepada umum. vi. Sebaran penyakit berjangkit Haiwan kesayangan yang telah disahkan mempunyai penyakit berjangkit yang boleh menjangkiti manusia.	ii. <i>Gas inhalation</i> Prosedur ini haruslah dilaksanakan oleh doktor veterinar berdaftar. iii. Sejuk beku Hanya haiwan akuakultur sahaja yang dibenarkan menggunakan kaedah ini. iv. <i>Captive Bolt</i> Kaedah ini boleh dijalankan oleh individu yang terlatih dan kompeten serta menggunakan peralatan yang betul dan boleh berfungsi dengan baik.
3. Haiwan Terbiar	i. Kawalan Populasi Pembiakan haiwan yang tidak diuruskan dengan baik menyebabkan isu kacau ganggu dalam komuniti. ii. Sebaran penyakit berjangkit Haiwan terbiar yang telah disahkan mempunyai penyakit berjangkit yang boleh menjangkiti manusia. iii. Masalah pengurusan Masalah penyimpanan dan pengurusan haiwan terbiar menyebabkan kos pengurusan haiwan meningkat. iii. Temperamen - Haiwan sihat dan mudah bergaul dengan pemunya baru, haiwan ini sesuai dipindah milik. - Tingkahlaku haiwan yang sukar dikawal yang dikhuatiri mendatangkan kecederaan kepada mana-mana haiwan dan mana-mana manusia.	1. Eutanasia - Apa sahaja kaedah eutanasia yang dijalankan haruslah memastikan ianya dilakukan dengan masa yang paling singkat, mengurangkan kesakitan dan distres. - Kaedah-kaedah yang boleh digunapakai adalah seperti berikut: i. Suntikan kimia Prosedur ini haruslah dilaksanakan oleh Doktor Veterinar Berdaftar. Contoh : <i>intravenous, intracardiac</i> atau <i>intraperitoneal</i> ii. <i>Gas inhalation</i> Prosedur ini haruslah dilaksanakan oleh Doktor Veterinar Berdaftar iii. <i>Captive Bolt</i> Kaedah ini boleh dijalankan oleh individu yang terlatih dan kompeten serta menggunakan peralatan yang betul dan boleh berfungsi dengan baik.

Jenis Haiwan	Justifikasi Pelupusan Haiwan	Kaedah Pelupusan
	iv. Masalah Kesihatan Menghidap penyakit kronik yang sukar dirawat atau kecederaan yang menyebabkan kesakitan berpanjangan dan penderitaan kepada haiwan. Penyakit yang dihadapi menyebabkan haiwan tidak sesuai menjalankan norma harian.	
4. Haiwan Ternak (Unggas, Ruminan, Non Ruminan-arna b, babi)	i. Masalah Kesihatan Menghidap penyakit kronik yang sukar dirawat atau kecederaan yang menyebabkan kesakitan berpanjangan dan penderitaan kepada haiwan. Penyakit yang dihadapi menyebabkan haiwan tidak sesuai menjalankan norma harian. ii. Prestasi Menurun Menunjukkan tahap pencapaian prestasi yang menurun atau gagal mencapai tahap prestasi pengeluaran yang optima. iii. <i>Temperament</i> - Haiwan sihat dan mudah bergaul dengan pemunya baru, haiwan ini sesuai dipindah milik. - Tingkahlaku haiwan yang sukar dikawal yang dikhuatiri mendatangkan kecederaan kepada mana-mana haiwan dan mana-mana manusia. iv. Kos pengurusan Masalah kesihatan yang dihadapi menyebabkan kos pengurusan haiwan meningkat akibat keperluan perbelanjaan bagi perubatan haiwan. v. Pemilihan ternakan (selection) Penyingkiran haiwan daripada populasi bagi mendapatkan keseragaman.	1. Sembelih - Karkas digunakan untuk tujuan makanan manusia. - Haiwan bebas dari residu ubatan veterinar dan tiada penyakit berjangkit. - Eksport karkas perlu mematuhi undang-undang dan peraturan pengimportan produk haiwan negara pengimport. - Mematuhi unsur-unsur kebajikan haiwan sebelum, semasa dan selepas penyembelihan, sila rujuk APTVM Penyembelihan sedia ada. 2. Eutanasia - Apa sahaja kaedah eutanasia yang dijalankan haruslah memastikan ianya dilakukan dengan masa yang paling singkat, mengurangkan kesakitan dan distres. - Pastikan SOP disediakan oleh pengusaha dan telah disahkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan. - Kaedah-kaedah yang boleh digunapakai adalah seperti berikut: i. Suntikan kimia Prosedur ini haruslah dilaksanakan oleh Doktor Veterinar Berdaftar. Contoh : <i>intravenous, intracardiac</i> atau <i>intraperitoneal</i>.

Jenis Haiwan	Justifikasi Pelupusan Haiwan	Kaedah Pelupusan
		ii. Eutanasia bergas (<i>Gaseous euthanasia</i>) (Unggas sahaja) Prosedur harus dilaksanakan oleh Pengusaha serta mempunyai doktor veterinar berdaftar. Salah satu kaedah yang digunakan adalah :- ▶ Menggunakan CO² dengan tahap yang tepu ("high concentration") dengan kadar gantian ("replacement rate") pada tahap 10-30%.

Lampiran 3

PERTOLONGAN CEMAS UNTUK HAIWAN

Garis panduan bagi melengkapi sebuah kotak pertolongan cemas:

1. Gunting
2. Pita
3. Gel Pelincir
4. Gunting kuku
5. Selimut kecemasan
6. Sarung tangan pemeriksaan
7. *Non adhesive dressing*
8. Antiseptik
9. Kapas
10. Forcep
11. Normal saline
12. Termometer
13. Swab gauze
14. *Penlight*
15. Sanitizer
16. *Bandage*

Lampiran 4


LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DAN PERSIAPAN MENGHADAPI KEBAKARAN.

1. Mengenalpasti laluan keluar kecemasan untuk mengeluarkan haiwan dari dalam premis semasa kebakaran.
2. Menyediakan alat pemadam api atau gulungan hos api yang cukup untuk mencapai semua kurungan haiwan.
3. Barang yang mudah terbakar disimpan di kawasan yang terpisah dari tempat kurungan haiwan
4. Memasang alat pengesan asap yang mencukupi bagi premis kurungan haiwan yang tertutup.
5. Merokok adalah tidak dibenarkan di premis kurungan haiwan/ kawasan pameran.
6. Tanda "dilarang merokok" diletakkan di tempat-tempat yang mudah dilihat di premis kurungan haiwan/kawasan pameran.
7. Pemadam api yang digunakan hendaklah diperiksa dan diluluskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu dan pihak yang terlibat dalam menyediakan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya kepada Lembaga Kebajikan Haiwan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (KV), Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (P), Pengarah-Pengarah Bahagian DVS, Pengarah-Pengarah DVS Negeri, Agensi-agensi kerajaan, pihak industri, pihak NGO dan Ahli Jawatankuasa Kerja Penyediaan Kod Amalan Kebajikan Haiwan.

NOTA



www.dvs.gov.my